

13 MAY 2004

Azalina-Mahathir

AZALINA: GOLONGAN BELIA BOLEH BELAJAR DARIPADA DR MAHATHIR

BANGI, 13 Mei (Bernama) -- Golongan belia negara wajar mengkaji dan memahami pemikiran bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, kata Menteri Belia dan Sukan Datuk Azalina Othman Said.

Beliau berkata mereka boleh belajar mengenai sikap terbuka, disiplin, nilai-nilai dan tanggungjawab bekas perdana menteri itu.

Azalina berkata demikian pada simposium kedua anjuran Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad, Universiti Utara Malaysia, di sini hari ini.

Simposium sehari itu memberi tumpuan kepada pemikiran Dr Mahathir mengenai belia dan dihadiri pelajar pelbagai kolej dan institut serta Pergerakan Belia 4B.

Sambil menyebut bahawa kira-kira 40 peratus siswazah menganggur dan kira-kira 10,000 belia enggan menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Azalina berkata mereka wajar melihat diri sendiri dan mengenal pasti apa yang mereka mahukan.

"Kejayaan kaum dan individu terbabit bergantung kepada anda sendiri... bukan kerajaan, orang lain atau masyarakat," katanya sambil menambah bahawa Dr Mahathir banyak membaca dan membuat penyelidikan sendiri.

"Beliau tidak menugaskan orang lain membaca atau membuat penyelidikan untuknya," kata Azalina.

Azalina berkata Mahathir mempunyai sikap "belajar dan terus belajar."

Mengulas mengenai cara sesetengah pihak mengelak kerja keras dan "mahu cepat kaya," beliau berkata, "Tidak ada jalan pintas."

-- BERNAMA

SOM AM LAT